

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA TUNTUTAN PENGESAHAN HIBAH

SAMAN NO.: 11100-044-0XXX-2019

ANTARA

XYXY

PLAINTIF

NO. KP: 470928-11-XXXX

DENGAN

XXXX1

DEFENDAN 1

NO. KP: 451103-11-XXXX

XXXX2

DEFENDAN 2

NO. KP: 451205-11-XXXX

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM) DEFENDAN 3

DI HADAPAN YANG ARIF

TUAN HAJI ROSDI BIN HARUN SMT, AMZ, PJK

HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH, KUALA TERENGGANU

DI KUALA TERENGGANU

PADA HARI ISNIN, 18 ZULKAEDAH 1440H

BERSAMAAN 19 OGOS 2019

[1] **ATAS TUNTUTAN** Plaintiff, **XYXY (KP: 470928-11-XXXX)** tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu dengan kehadiran Plaintiff, XYXY (KP: 470928-11-XXXX)

bersama-sama Peguam Syarie Haslinda binti Sakhroni dari Tetuan Ros Mawarti & Haslinda dan tanpa kehadiran Defendan 1 dan Defendan 2 manakala Defendan 3 diwakili Nor Hafiza binti Ramli daripada MAIDAM. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

[FAKTA DAN LATAR BELAKANG KES]

- [2] Tuntutan ini difailkan Plaintiff, XYXY (KP: 470928-11-XXXX) terhadap Defendan 1 XXXX1 (NO. KP: 451103-11-XXXX), Defendan 2 XXXX2 (NO. KP: 451205-11-XXXX) dan Defendan 3 Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) ke atas hartanah milik Si Mati, XTXT, meninggal dunia pada 14/06/20XX, No. daftar Kematian D 75XXXX. Plaintiff Defendan 1 dan Defendan 2 adalah anak saudara dan waris kadim kepada si mati. Manakala Defendan 3 adalah salah seorang waris Pemberi Hibah yang mewakili Baitulmal. Semasa hidup, Si Mati merupakan pemilik berdaftar bagi sebidang tanah berketerangan PT XXXX Kampung XXX, Jalan Air Putih, Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman yang mana kini dikenali sebagai PM XXXX No. Lot XXXX Mukim Cukai Daerah Kemaman. Pemberian Hibah tersebut diberikan oleh si mati kepada Plaintiff secara bertulis dan satu (1) Surat Pemberian Hibah telah telah disediakan oleh Peguam Syarie daripada Tetuan Nadiyah & Associates. Namun ketika prosiding berjalan Defendan 1 dan Defendan 2 tidak pernah hadir ke Mahkamah manakala Defendan 3 tiada bantahan terhadap tuntutan Plaintiff tersebut.
- [3] Seterusnya, Mahkamah mendapati bahawa Defendan1 dan Defendan 2, tidak pernah hadir sepanjang prosiding kes ini. Mahkamah berpuas hati bahawa saman ke atas Defendan-Defendan telah disempurnakan kepada Defendan pada tarikh 14 April 2019. Timbul pula isu mengenai adakah Mahkamah ini boleh mendengar dan memutuskan permohonan ini tanpa kehadiran Defendan 1 dan Defendan 2 tersebut?

[4] Mahkamah merujuk kepada Seksyen 121 (1)(b) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 menyatakan :

- (1) *Jika apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran-*
- (a) ...
 - (b) ***defendan tidak hadir, Mahkamah boleh, tertakluk kepada bukti penyampaian wajar, mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya; atau***
 - (c) ...
- (2) *Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan plaintif di bawah perenggan (1) (b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (1) (c), mengarahkan plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengangkat sumpah istizhar.*

[5] Peruntukan ini membenarkan pendengaran dan penghakiman dijalankan walaupun tanpa kehadiran Defendan-Defendan setelah penyampaian saman disempurnakan kepada Defendan-Defendan dan sebelum penghakiman dibuat, Plaintif hendaklah diarahkan mengangkat sumpah *Istizhar*.

[6] Dalam kes ini Defendan-Defendan, tidak pernah hadir sepanjang prosiding kes dijalankan. Maka, Plaintif boleh meneruskan kes beliau dengan mengemukakan keterangan dan hujah terhadap tuntutannya berserta sumpah istizhar sebelum keputusan dibuat untuk mengelakkan tohmah. Ini sebagaimana **Arahan Amalan No.1 Tahun 2003** menyatakan:

“Penggunaan sumpah istizhar dalam kes Mal dengan ketidakhadiran Defendan dan Mahkamah setelah mendengar semua keterangan dan hujah Plaintif dan untuk mengelakkan tohmah maka Mahkamah hendaklah sebelum membuat keputusan bagi Plaintif memerlukan Plaintif mengangkat Sumpah Istizhar.”

[BIDANGKUASA MAHKAMAH]

- [7] Suka untuk saya terlebih dahulu meneliti kepada apakah yang dimaksudkan dengan perkataan *hibah* mengikut Hukum Syara', Mahkamah merujuk kepada kitab *ʿAnatul Talibin*, oleh Abu Bakar ibnu Muhammad Syatta al-Dimyati, juzuk ketiga, cetakan Darul Fikr, Beirut, Labenon, tahun 2002M/1422H, pada halaman 229 hingga 230, ada mendefinisikan pengertian *hibah* sebagaimana berikut ;

الهبية تملك عين يصح بيعها غالبا أو دين من أهل تبرع بلا عوض

Terjemahannya: "*Hibah bererti memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli tabarru' (orang yang suka membuat kebajikan) dengan tidak ada barang tukaran*".

- [8] Seterusnya, Sayyid Sabiq di dalam kitabnya, *Fiqh al-Sunnah*, cetakan 1, halaman 532 secara epistemologi mentakrifkan hibah sebagai:

الهبية هي التبرع من جائز التصريف في حياته لغيره، بمال معلوم أو غيره، بلا عوض

Terjemahannya: "*Hibah ialah suatu sumbangan/pemberian oleh seseorang yang mempunyai keahlian mengurus terhadap hartanya, kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya, dengan harta yang dimaklumi atau selainnya tanpa sebarang balasan*".

- [9] Di dalam penghakiman ini, Mahkamah cuba membuat rujukan kepada perkataan hibah secara literal. Perkataan ini tidak diperuntukkan di dalam undang-undang dan tidak ada di dalam tafsiran berkanun. Walaupun begitu, di dalam Kamus Dewan, Edisi Ketiga, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Edisi Keempat Tahun 2014, perkataan '*hibah*' atau '*hibbah*' diertikan sebagai "*pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik.*" Perkataan '*hibah*' atau '*hibbah*' yang diertikan sebagai, "*pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan*

baik” itu mengikut undang-undang adalah sebagaimana yang diperuntukkan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 iaitu “*alang semasa hidup*”.

- [10] Oleh yang demikian, saya bertindak mendengar dan memutuskan tuntutan pengesahan hibah ini berdasarkan Subseksyen 11 (3)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 di bawah frasa kata “*alang semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seorang orang Islam*”.
- [11] Perkataan “*alang semasa hidup*” sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang, juga tidak ada dalam tafsiran berkanun di dalam negeri ini. Namun begitu, di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi Keempat, 2014, makna perkataan “alang” antaranya diberi erti “*pemberian*”. Mengikut pengertian ini bolehlah dikatakan bahawa “*alang semasa hidup*” mempunyai erti yang sama dengan perkataan “*pemberian semasa hidup*”. “*Pemberian semasa hidup*” memberi maksud bahawa semasa seseorang itu masih hidup dia memberi atau menyerahkan sesuatu harta kepada seseorang lain atau organisasi atau seumpamanya tanpa sebarang tukaran atau balasan”.
- [12] Di dalam kes *Alias b. Ismail lwn Fatimah bt. Awang dan LAI, JH (1410) H Jld. VII Bhg. I, 47*, Shafei bin Abdul Rahman, Hakim Syarie, antara lain memberi penghakiman yang menjelaskan tentang ertikata ‘*pemberian hidup, alanghayat atau hibbah*’ seperti berikut;

Dalam hal ini, Saya suka menarik perhatian kepada seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No. 3 tahun 1982 yang memberi takrif – Alanghayat ertinya :“Pemberian percuma atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendakinya ”. Dengan menyebut perkara “percuma” dalam takrif itu adalah jelas memberi erti yang dimaksudkan dan

menunjukkan itulah yang dikatakan pemberian hidup, alang hayat atau hibbah.

- [13] Mengikut penghakiman kes yang disebut di atas, dapat disimpulkan bahawa maksud dan pemakaian perkataan *pemberian hidup, alang hayat, pemberian semasa hidup, alang semasa hidup* atau *hibah* adalah sinonim dengan maksud memberi milik sesuatu barang yang mana mengikut kebiasaannya barang itu sah untuk dijual, atau diberi hutang, kepada seseorang oleh ahli *tabarru'* dengan tidak ada sebarang barang tukaran. Oleh yang demikian, peruntukan di dalam subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001,...**alang semasa hidup**...adalah selaras dengan pengertian hibah mengikut Hukum Syara'. Oleh yang demikian, Saya berpuashati untuk mengendalikan kes tuntutan ini menurut peruntukan hibah dalam Hukum Syara'.
- [14] Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Asas pensyarian hibah ialah nas dari al-Qur'an dan al-Sunnah di samping Ijmak, sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam surah al-Baqarah, ayat 177 iaitu:

...وَأَتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَأَلْيَتَمَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ ...

Bermaksud: "... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya ...".

- [15] Ayat ini sebenarnya merangkumi pemberian kepada orang memerlukan dan yang tidak memerlukannya. Pemberian kepada orang memerlukan ialah sedekah manakala bagi orang yang tidak memerlukan ialah hibah

sebagaimana dinyatakan di dalam penghakiman kes Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors [2013] 1 SHLR 51. Berdasarkan kepada nas al-Qur'an di atas, jelaslah bahawa amalan hibah ini adalah suatu perkara yang dibenarkan oleh Hukum Syara' dengan rukun dan syarat-syaratnya yang tertentu.

- [16] Manakala dari al-Sunnah pula, terdapat sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari sebagaimana berikut;

وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبَلُ الْهَدِيَّةَ وَيُثَبُّ

عَلَيْهَا

Maksudnya: *“Diriwayatkan dari Aishah r.a, adalah Nabi s.a.w menerima hadiah dan membalas hadiah”.*

Seterusnya dalil daripada Ijma' pula, semua Ulama' bersepakat mengatakan hibah disyariatkan dan tiada seorang pun yang mengingkarinya.

- [17] Dari aspek perundangan di Malaysia pula, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidangkuasa Mahkamah Syariah mengenainya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa :

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat;...”.

[18] Sebelum Mahkamah meneruskan penghakiman ini, Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada bidangkuasa Mahkamah untuk mendengar dan memutuskan kes ini. Tuntutan yang didengar ini adalah tuntutan tarik balik hibah dan ia adalah berkaitan langsung dengan hibah. Di dalam Enakmen Mahkamah Syariah Terengganu 2001 pula, bidangkuasa mengenai hibah, adalah diberi kepada Mahkamah Tinggi Syari'ah sebagai bidangkuasa asal.

[19] Subseksyen 11 (3) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 memperuntukkan;

Mahkamah Tinggi Syari'ah hendaklah –

(a) ...

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –

(iv) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam;

[20] Mengikut peruntukan undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, Saya berpuashati bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan yang berada di hadapan Saya ini.

[ALASAN PENGHAKIMAN]

[21] Menurut fakta kes Plaintiff telah menuntut Mahkamah Yang Mulia ini mengesahkan pemberian satu (1) bidang hartanah berketerangan PT XXXX

Kampung XXX, Jalan Air Putih, Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman yang kini dikenali sebagai PM XXXX No. Lot XXXX Mukim Cukai Daerah Kemaman Terengganu Darul Iman kepada nama Plaintiff keseluruhan (1/1) bahagian. Hibah ke atas tanah tersebut diberikan oleh arwah ibu saudaranya XTXT (No. KP: 241205-11-XXXX) kepada Plaintiff.

- [22] Malah, Plaintiff juga menuntut supaya Mahkamah Yang Mulia ini memberi kebenaran kepada Plaintiff untuk mendaftarkan harta pemberian hibah tersebut serta Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menandatangani suratcara pindahmilik (Borang 14A) bagi pihak si mati dan memindahmilik kepada Plaintiff.
- [23] Setelah meneliti Mahkamah berpendapat ada satu (1) isu utama yang menjadi fakta persoalan yang perlu diputuskan iaitu:

- 1) Sama ada wujud pemberian Hibah oleh si mati kepada Plaintiff memenuhi rukun dan syarat sah hibah?

[SAMA ADA WUJUD PEMBERIAN HIBAH OLEH SI MATI KEPADA PLAINTIF MEMENUHI RUKUN DAN SYARAT HIBAH]

- [24] Bagi menentukan ada dan sahnya harta-harta tersebut diberikan oleh Si mati semasa hidupnya kepada Plaintiff, saya perlu menghalusi tiap-tiap rukun hibah dan syarat-syarat kepada rukun hibah itu.
- [25] Mengikut As-Sheikh Muhammad Al-Khatib As-Syarbini di dalam kitabnya muka surat 512, juzuk kedua, cetakan 1, 1997M/1418H, rukun-rukun hibah ada tiga, antaranya *pihak-pihak yang melakukan aqad hibah iaitu pemberi hibah (waahib) dan penerima hibah (al-mauhub lahu), sighah iaitu lafaz ijab dan qabul, dan mauhub iaitu barang yang dihibahkan.*

- [26] Bagi rukun pertama, disyaratkan ke atas pemberi hibah (*waahib*) memiliki harta tersebut dan orang yang mempunyai kuasa penuh dalam mentadbir hartanya. Saya berpuashati bahawa hartanah tersebut adalah aset yang berdaftar atas nama Si Mati, XTXT. Dalam tempoh masa pemilikan tersebut, si mati telah menghibahkan satu (1) bidang hartanah berketerangan PT XXXX Kampung XXX, Jalan Air Putih, Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman yang kini dikenali sebagai PM XXXX No. Lot XXXX Mukim Cukai Daerah Kemaman Terengganu Darul Iman kepada Plaintif. Dalam keterangan Plaintif menyatakan bahawa pemberian Hibah ini di buat secara lisan dan bertulis.
- [27] Seterusnya, ke atas penerima hibah (*al-mauhub lahu*) disyaratkan satu sahaja iaitu penerima hibah mempunyai keahlian untuk memiliki harta yang dihibahkan kepadanya seperti syarat mukallaf dan lainnya. Dan saya dapati tidak ada fakta yang menafikan kelayakan Plaintif yang sedemikian.
- [28] Rukun yang kedua iaitu akad hibah (*sighah* ijab dan qabul) dilaksanakan di dalam kes ini secara lisan sekitar tahun 2007 oleh si mati kepada Plaintif. Si mati telah meninggal dunia pada tarikh 14 Jun 20XX iaitu lebih kurang enam (6) tahun selepas pemberian Hibah tersebut. Plaintif juga dalam keterangan menyatakan bahawa si mati menyatakan secara lisan kepada Plaintif dan semasa si mati menyatakan hasrat tersebut Plaintif dan si mati berada di rumah. Kemudian Plaintif telah membuat pemberian hibah daripada lisan kepada bertulis kerana si mati pernah memaklumkan secara bertulis untuk melihatkan pemberian tersebut lebih kemas. Malah Plaintif telah berjumpa dengan peguam yang bernama Nadiah di pejabat. Plaintif memaklumkan bahawa si mati kaki tidak kuat dan Plaintif memohon supaya Puan Nadiah datang ke rumah. Malah Plaintif di dalam keterangan beliau mengakui telah menandatangani perjanjian Hibah tersebut pada tarikh 22 Julai 20XX bersama-sama dengan si mati.
- [29] Plaintif seterusnya dalam keterangan menyatakan bahawa Puan Nadiah telah menerangkan tentang dokumen hibah tersebut dan telah dipersetujui oleh si

mati dan si mati telah menurunkan cop jari dan Plaintiff telah menandatangani perjanjian tersebut.

- [30] Keterangan Plaintiff tersebut telah disokong oleh SP-1 yang mana telah menyatakan bahawa selepas siap dokumen SP-1 telah pergi bersama Engku Saadan dan Dalila semasa waktu tengahari dan pada masa tersebut Plaintiff dan Puan XTXT (si mati) ada bersama. Selepas SP-1 menerangkan berkaitan perjanjian Hibah Puan XTXT (si mati) telah menurunkan cop jari dengan menggunakan *stamp pad* yang dibawa SP-1 daripada pejabat.
- [31] Seterusnya di dalam penghujahan bertulis Plaintiff muka surat 3 menyatakan bahawa selepas pemberian Hibah tersebut arwah ibu saudara Plaintiff telah meninggal dunia dan sepanjang tempoh pemberian Hibah tersebut semasa hayat, si mati tidak pernah membatalkan pemberian hibah tersebut kepada Plaintiff. Selepas pemberian tersebut Plaintiff ada membuat rumah di atas hartanah tersebut dan membaik pulih rumah tersebut dan kemudiannya disewakan kepada penyewa.
- [32] Saya dapati bahawa lafaz ijab adalah *soreh* (jelas) dan menunjukkan maksud memberi hibah bila mana setelah si mati menyatakan pemberian tersebut secara lisan, Plaintiff bertindak berjumpa dengan Peguam Syarie untuk membuat perjanjian Hibah dan setelah diterangkan kepada si mati telah faham dan menurunkan cop jari pada perjanjian tersebut. Maka jelaslah bahawa si mati berkehendak menghibahkan hartanah tersebut kepada Plaintiff.
- [33] Namun Hukum Syarak menjelaskan walaupun telah berlaku ijab dan qabul secara sempurna di dalam sesuatu hibah, pemilikan barang yang dihibah masih belum boleh dimiliki oleh penerima hibah kecuali berlakunya qabad (barang itu diserahkan atau diambil atau dipegang oleh penerima hibah).
- [34] Takrifan qabad dalam kitab Akad al-bai'e fil Fiqh Islami, muka surat 195 oleh Dr. Sayyid Ahmad A'mir diberi maksud mencapai sesuatu dengan bentuk

pembekuan barang tersebut dan mengambil harta serta menguasainya dengan cara yang dibenarkan oleh syarak.

- [35] Kitab l'aanah al-Thalibin, bab fi al-Hibah, terbitan Dae al-Kitab al-Alamiyyah muka surat 254, Juz 3 muka surat 254 menyatakan:

(بقبض) فلا تلزم بالعقد بل بالقبض على الجديد

Maksud: (Dengan qabd) maka tidak berlaku sesuatu akad itu bahkan hendaklah dengan adanya qabd, demikian menurut qawl jadid.

- [36] Dalam erti kata lain, *qabd* berlaku apabila harta dikuasai dengan cara yang sepatutnya oleh penerima. Dan cara penguasaan itu, bagi harta tak alih, adalah dengan cara takhliah, iaitu pemberi mengosongkan harta yang diberi agar boleh dimanfaatkan oleh penerima, melepaskan haknya (memberi keizinan) atau mengenyahkan segala halangan semasa penyerahannya atau dengan penyerahan kunci jika barangan tersebut seperti rumah, atau bercucuk tanam, mengutip buahan atau membuat binaan jika dihibahkan tanah. Bagi harta alih pula, qabd berlaku dengan cara mengambil harta itu, memindah atau mengasingkan harta tersebut dengan harta-harta lain. Lihat **kitab al-Fiqh Manhaji, jilid 3 muka surat 16 oleh Dr. Mustofa al-Khin dan lain-lain; DAN kitab al-Muamalat al-Maliyah al-Mu'asirah oleh Dr, Wahbah Zuhaily, terbitan Darul Fikri, Beirut, cetakan 1 tahun 2002M, muka surat 40.**
- [37] Oleh itu Plaintiff perlu membuktikan bahawa beliau telah menerima dengan apa jua cara perbuatan yang secara langsung atau tidak langsung menunjukkan perbuatan qabd. Hibah masih belum dikatakan sah sehingga ada qabd ke atas barang yang dihibahkan. Sekiranya tidak terbukti qabd itu, bermakna Si Mati masih tidak melepaskan haknya.
- [38] Saya dapati setelah hibah diberikan secara lisan, Plaintiff telah bertindak berjumpa Peguam Syarie untuk membuat perjanjian Hibah tersebut. Namun selepas pemberian tersebut Plaintiff ada membuat rumah di atas hartanah

tersebut dan telah membaik pulih rumah tersebut dan kemudiannya disewakan kepada penyewa.

[39] Malah Defendan-Defendan juga tidak ada menghalang apa-apa perbuatan Plaintiff selepas pemberian hibah tersebut oleh si mati. Malah hubungan Plaintiff dan Defendan-Defendan adalah dalam keadaan baik. Saya merujuk kepada kes Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman v Aminah binti Hj Taib, Jld XVIII/11 JH (1425H), qabd dalam kes ini juga berlaku tersebut Plaintiff ada membuat rumah di atas hartanah tersebut dan membaik pulih rumah tersebut dan kemudiannya disewakan kepada penyewa tanpa ada halangan daripada mana-mana pihak. Maka saya berpuashati telah berlaku qabad oleh Plaintiff ke atas hartanah tersebut selepas pemberian hibah tersebut

[40] Rukun yang ketiga iaitu harta yang dihibahkan tidak saya sentuh secara mendalam kerana pembuktian dokumen dan keterangan lisan telah mengesahkan kewujudannya. melalui pemerhatian dan penelitian saya terhadap isu pertama kes ini, dapat saya simpulkan bahawa pemberian hibah oleh Si Mati adalah sempurna.

[41] Sebelum Mahkamah teruskan dengan keputusan terhadap kes ini, sukacita Mahkamah nyatakan bahawa kes ini telah diteruskan dengan keputusan berdasarkan peruntukan seksyen 121 (1)(b) ETMMS 2003, maka adalah perlu bagi Plaintiff untuk melafazkan "Yamin Al-Istizhar" sepertimana yang dinyatakan pada seksyen 121 (2) ETMMS 2003 :

"Mahkamah hendaklah, sebelum membuat apa-apa penghakiman mengenai tuntutan plaintiff di bawah perenggan (1) (b) atau tuntutan balas defendan di bawah perenggan (1)(c), mengarahkan plaintiff atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengangkat sumpah istizhar"

[42] Ini adalah selari dengan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2003 yang telah mengesahkan penggunaan Sumpah Istizhar dalam kes Mal dengan

ketidakhadiran Defendan-Defendan dan Mahkamah setelah mendengar semua keterangan dan hujah Plaintiff dan untuk mengelakkan tohmah, maka Mahkamah hendaklah sebelum membuat keputusan bagi Plaintiff adalah diperlukan untuk Plaintiff mengangkat sumpah Istizhar. Justeru itu, berdasarkan pliding yang dikemukakan oleh pihak Plaintiff bersama lafaz Sumpah Istizhar di dalam kes ini, keputusan Mahkamah adalah seperti berikut.

[KEPUTUSAN]

Mahkamah memutuskan seperti berikut:-

1. Mahkamah meluluskan tuntutan Hibah Plaintiff.
2. Sebidang tanah yang berketerangan PM XXXX No. Lot XXXX **Mukim Cukai daerah Kemaman Negeri Terengganu** yang beralamat di PT XXXX Kampung XXX, Jalan Air Putih, Daerah Kemaman, Terengganu Darul Iman adalah pemberian hibah si mati **XTXT (KP: 241205-11-XXXX)** kepada Plaintiff, **XYXY (KP: 470928-11-XXXX)**.
3. Plaintiff, **XYXY (KP: 470928-11-XXXX)** diberi kebenaran untuk memindahmilik hartanah yang berketerangan **PM XXXX No. Lot XXXX Mukim Cukai daerah Kemaman Negeri Terengganu**.
4. Ketua Pendaftar, Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu menandatangani Suratcara Pindahmilik (Borang 14A) bagi pihak si mati, **XTXT (KP: 241205-11-XXXX)** bagi memindahmilik tanah kepada Plaintiff, **XYXY (KP: 470928-11-XXXX)**.
5. Pentadbir Tanah Kemaman mendaftarkan hartanah yang berketerangan **PM XXXX No. Lot XXXX Mukim Cukai daerah Kemaman Negeri**

Terengganu kepada nama Plaintif, **XYXY (KP: 470928-11-XXXX)** sebagai pemilik tanah sebanyak (1/1) bahagian.

6. Kos ditanggung oleh pihak masing-masing.

DI BERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, pada hari ini Isnin, 18 Zulkaedah 1440H bersamaan 19 Ogos 2019.

METERAI

HAKIM